



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## "INSTITUSI BERAJA TONGGAK KESTABILAN NEGARA"

2 Jun 2023 / 13 Zulkaedah 1444

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>1</sup> الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَى وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الَّدِينِ كُلِّهِ وَكَفَى بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَالثَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَيْهِ يَوْمَ الدِّين. أَعْمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup> أُوْصِينُكُمْ وَإِيَّاهُ يُتَّقَوْنَ اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Marilah kita tingkatkan ketakwaan kepada Allah SWT, dengan melaksanakan segala perintah dan menjauhi semua larangan Nya, serta mengikhlaskan setiap amalan, semoga kita dilimpahi rahmat Ilahi. Menjelang sambutan rasmi hari keputeraan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 5 Jun, mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk: "INSTITUSI BERAJA TONGGAK KESTABILAN NEGARA".

Firman Allah SWT:

وَجَعَلْنَا مِنْهُمْ أَئِمَّةً يَهْدِونَ بِمَا أَمْرَنَا لَمَّا صَبَرُوا وَكَانُوا بِعَيْنِتِنَا يُوقِنُونَ

Bermaksud: Dan Kami jadikan antara mereka itu beberapa orang pemimpin yang membimbing kaum masing-masing kepada hukum agama Kami selagi mereka bersabar (dalam menjalankan tugas itu) dan mereka tetap meyakini ayat-ayat keterangan Kami.

(Surah al-Sajadah, ayat 24)

Bermula daripada pemilihan Sayidina Abu Bakar RA sebagai khalifah pertama selepas kewafatan Rasulullah SAW, terdapat pelbagai kaedah yang diguna pakai oleh umat Islam untuk memilih atau melantik pemimpin tertinggi, membuktikan kaedah melantik pemimpin dalam kalangan umat Islam bersifat anjal dan terbuka asalkan tidak bercanggah dengan asas-asas ajaran Islam. Apa yang penting, Islam telah menggariskan

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



kelayakan, tanggungjawab serta hak-hak pemerintah dan rakyat dalam sistem berkerajaan dan bernegara. Bahkan, Islam membolehkan umatnya mengambil manfaat daripada mana-mana sistem pemerintahan untuk diamalkan jika sistem tersebut boleh mendatangkan kebaikan dan kemakmuran kepada agama, bangsa dan negara.

### **Jemaah yang dimuliakan,**

Di negara kita, sistem pemerintahan beraja telah lama berakar, bermula daripada kesultanan Melayu Melaka yang mewariskan adab bernegeri dan budaya berkerajaan, berprinsipkan negeri beraja – rakyat bersultan.

Pada 31 Ogos 1957, Persekutuan Tanah Melayu dimasyhurkan sebagai sebuah negara baharu yang merdeka, disusuli penubuhan Malaysia pada tahun 1963. Matlamat dan wawasan umum negara yang baharu merdeka ketika itu, adalah untuk mencapai tahap perpaduan yang dilambangkan melalui seorang raja yang agung yang berjaya menguasai kesetiaan setiap warga dengan memastikan terbangunnya sebuah negara merdeka yang berdaulat, makmur lagi stabil, dan warganya hidup dalam suasana aman, rukun dan damai, yang dinikmati melalui pemerintahan yang adil lagi saksama berpaksikan undang-undang.

Ketika merangka formula untuk membentuk kerajaan merdeka, institusi raja dan institusi rakyat digabungkan berlandaskan prinsip raja berperlembagaan – demokrasi berparlimen. Raja berperlembagaan ialah kelangsungan pemerintahan beraja, yang mentakrifkan semula peranan raja seiring dengan keperluan semasa.

Tradisi beraja di peringkat negeri bukan sahaja dikekalkan, malah dimaktubkan dalam Perlembagaan Merdeka, satu lagi lapisan pemerintahan beraja melalui pelantikan seorang raja di peringkat persekutuan, berperanan sebagai Kepala Utama Negara bergelar Yang di-Pertuan Agong. Sumpah jawatan Yang di-Pertuan Agong mengandungi kata-kata berikut:

“Wallahi, Wabillahi, Watallah, Maka dengan lafaz ini berikrarlah kami dengan sesungguhnya dan dengan sebenarnya mengaku akan taat setia pada menjalankan dengan **adilnya**, pemerintahan bagi Malaysia dengan mengikut sebagaimana **Undang-undang** dan **Perlembagaan Negeri** yang telah disah dan dimasyhurkan dan yang akan disah dan dimasyhurkan pada masa hadapan ini. Dan lagi kami berikrar mengaku dengan sesungguh dan dengan sebenarnya memelihara pada setiap masa **Agama Islam** dan berdiri tetap atas pemerintahan yang **adil** dan **aman** di dalam negeri.”



Lafaz sumpah jawatan Yang di-Pertuan Agong didahului dengan tiga kalimah Allah WALLAHU, WABILLAHU, WATALLAHU, diiktiraf dalam Islam dari sudut kebertanggungjawaban. Sumpah jawatan yang dilafazkan berkembar dengan tanggungjawab yang sangat besar di sisi Allah SWT; sumpah yang dilafazkan meletakkan amanah besar kepada penyandang gelaran, yang akan diadili pada hari kebangkitan di Padang Mahsyar nanti, sama ada amanah telah disempurnakan seperti yang dilafazkan.

Nyatalah jawatan Ketua Utama Negara bukan hanya berbentuk hiasan, di sebaliknya menuntut kepada penyempurnaan tanggungjawab besar memenuhi amanah. Terkandung lima pengakuan penting untuk disempurnakan dalam sumpah jawatan tersebut; **pertama**: undang-undang; **kedua** perlombagaan negeri; **ketiga**: agama Islam; **keempat**: adil; **kelima**: aman. Sumpah yang dilafazkan merupakan pengakuan kepada ALLAH SWT akan ketaatsetiaan penyandang melaksanakan keadilan berlandaskan undang-undang dan perlombagaan, memelihara agama Islam dan berdiri atas pemerintahan yang adil dan aman.

### **Muslimin yang dirahmati Allah,**

Pada awal khutbah khatib membacakan ayat 24 Surah as-Sajadah. Ibn Kathir mentafsirkan ayat tersebut menyatakan bahawa: Ketika mereka sabar dalam melaksanakan perintah-perintah Allah dan menjauhi larangan-larangan Nya, memberlakukan para Rasul Nya, dan mengikuti risalah yang diberikan kepada mereka, nescaya mereka menjadi pemimpin-pemimpin yang memberi petunjuk kepada kebenaran dengan perintah Allah, mengajak kepada kebaikan, memerintah yang makruf dan mencegah kemungkaran.

Ayat ini menjelaskan bahawa pemimpin yang menjalankan tanggungjawabnya menurut syariat, menjadi wasilah (perantara) memperoleh kebaikan kepada rakyat dan negara. Manakala sebagai rakyat jelata, kita dituntut mentaati dan menghormati pemimpin yang dilantik selagi mana pemerintahannya berlandaskan syariat dan menegakkan keadilan.



## Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Khatib memilih untuk memperingatkan perkara-perkara berikut:

**Pertama:** Berpandukan ajaran Islam, kedaulatan ialah milik mutlak Allah SWT, seorang raja ialah pemegang amanah; oleh itu gelaran dan jawatan yang disandang merupakan tugas untuk memenuhi tanggungjawab fardu kifayah. Raja yang adil merupakan raja yang mengikuti perintah Allah, dan akan mendapat payungan Ilahi kerana kesungguhan dan keikhlasan menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan.

**Kedua:** Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong merupakan ketua utama negara yang dipertanggungjawabkan dengan amanah besar untuk menjamin rakyat yang terdiri dari pelbagai kaum dan menganut pelbagai fahaman agama berjaya disatukan sebagai warga kepada sebuah negara berdaulat, serta hidup secara aman dan muhibah dalam sebuah negara yang makmur.

**Ketiga:** Setiap minggu, di mimbar Jumaat, khatib mendoakan dan jemaah mengaminkan kesejahteraan raja, mendoakan agar raja memerintah secara adil – secara saksama, supaya negeri aman, sentosa, selamat dan sejahtera. Oleh itu takhta tidak boleh berada dalam pengasingan, di sebaliknya amatlah penting untuk takhta memahami degup jantung dan degup nadi rakyat yang meletakkan harapan tinggi agar takhta berperanan sebagai penimbang tara yang adil lagi saksama, demi memastikan kepentingan rakyat jelata senantiasa diutamakan dan dilindungi.

**Keempat:** Takhta berupaya mengembalikan dan membina keyakinan rakyat ketika rakyat dilambung krisis keyakinan dengan menyempurnakan peranan semak dan imbang secara bijaksana kepada cabang-cabang perundangan, eksekutif dan kehakiman.

Khatib menyembah ucapan "Dirgahayu Tuanku" kepada Seri Paduka Baginda Yang diPertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al Mustaffa Billah Shah, dengan irungan doa semoga negara di bawah naungan pemerintahan Tuanku dilimpahi keamanan, keharmonian, kesejahteraan dan kemakmuran.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقْبِيلِ  
مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ  
إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا دَائِمًا أَبَدًا. أَشْهَدُ أَن لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا  
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا  
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>6</sup> وَكُوْنُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

**Muslimin yang dirahmati Allah,**

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyak selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْيَهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَاتُهُ وَسَلَامُهُ تَسْلِيمًا<sup>7</sup>

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ  
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ  
حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ  
وَالْأَفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

**Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!** kurniakanlah hidayah dan petunjuk Mu ke atas Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, untuk melaksanakan pemerintahan secara adil dan saksama, bertiangan al-Quran dan sunah, bersandarkan perlembagaan dan berlandaskan undang-undang. Bantulah dan berkatilah usaha baginda untuk menyatupadukan rakyat yang terdiri daripada pelbagai kaum dan menganut pelbagai agama, agar Malaysia kekal menjadi negara merdeka yang berdaulat, aman, makmur dan sejahtera.

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fugara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Dzal Jalaali wal Ikram!**, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

**Ya Maalikal Mulk!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Malik! Ya Hadi!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

**رَبَّنَا إِنَّا فِي الْدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ**

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَيْهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.